

07 MAY 1998

Peduli

MAHATHIR BUKAN TIDAK PEDULIKAN MENTERI BRITAIN, KATA DUTA

Oleh: Wan A Hulaimi

LONDON, 7 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukan tidak mempedulikan Menteri Kewangan Britain Gordon Brown semasa kunjungan singkatnya di Kuala Lumpur pada Selasa seperti yang didakwa, kata Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di sini.

Datuk Mohamad Amir Jaafar menafikan laporan muka depan akhbar Guardian yang menyebut bahawa Dr Mahathir sengaja enggan bertemu dengan Brown kerana beliau menyalahkan spekulator barat terhadap krisis kewangan Asia.

Laporan itu yang dihantar oleh pemberita Mark Atkinson dari Kuala Lumpur turut membuat spekulasi bahawa keengganan Dr Mahathir itu juga boleh "dikaitkan dengan kemarahannya terhadap liputan akhbar Britain mengenai rusuhan di sebuah pusat tahanan pendatang tanpa izin Malaysia baru-baru ini".

Amir, yang bercakap menerusi siaran berita Radio 4 BBC "PM" semalam, berkata Dr Mahathir tidak dapat menemui Brown kerana kesuntukan masa disebabkan menteri Britain itu tiba di Malaysia pada pukul 7 malam pada Selasa dan berlepas pada pukul 8 pagi esoknya.

Brown disambut mesra oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim di lapangan terbang dan kemudian mengadakan perbincangan dengan beliau pada satu jamuan malam, kata Amir.

Dalam satu kenyataan akhbar kemudian, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia itu berkata tidak wajar bagi seorang membuat sebarang kesimpulan selain daripada hakikat bahawa Brown hanya singgah satu malam di Malaysia dan tidak memberi kesempatan bagi Dr Mahathir untuk menemuinya.

"Malah Malaysia sentiasa menyambut baik kunjungan para pemimpin dan rakyat Britain ke Malaysia sama ada untuk tujuan rasmi, perniagaan atau sosial. Kami percaya banyak lagi yang boleh dilakukan bagi manfaat bersama kedua-dua negara melalui lawatan-lawatan dua hala pada pelbagai peringkat," menurut kenyataan itu.

Laporan Guardian itu yang jelas bertujuan mencetuskan kontroversi sebaik selepas satu laporan akhbar Ahadnya "The Observer" mengenai kononya berlaku tindakan meracun dan kematian di sebuah kem tahanan di Malaysia, disertakan dengan satu lakaran kartun menunjukkan Brown kelihatan kebingungan sementara seorang pegawai polis Malaysia memberikan tabik hormat.

Dalam fikiran Brown berkata: "Mungkin ini tanda hormat cara Malaysia."

Di bawah tajuk berita "Brown tidak dipedulikan kerana PM Malaysia terlalu sibuk untuk berbincang", laporan itu sendiri mengakui bahawa pertemuan mereka tidak pernah dijadualkan secara rasmi sebelum mengatakan bahawa adalah "difahamkan" bahawa para pegawai kedutaan telah meminta satu perbincangan diadakan dengan Dr Mahathir.

Brown ketika itu dalam rangka lawatan ke Asia Tenggara untuk mengkaji keadaan ekonomi sebelum mesyuarat menteri-menteri kewangan G7 hujung minggu ini di Birmingham.

Laporan itu menyebut bahawa menurut sumber-sumber diplomatik, jadual Dr Mahathir sudah tidak boleh diubah. Tetapi ia tidak pula menyebut bahawa mengikut protokol adalah sesuai bagi Brown, walaupun seorang anggota penting kabinet Perdana Menteri Tony Blair tetapi bukan timbalannya yang dilantik, disambut oleh rakan sejawatannya dan timbalan perdana menteri Malaysia.

Secara nakal, pemberita Guardian itu menambah: "Dalam apa yang boleh ditafsirkan sebagai satu penghinaan terhadap Dr Mahathir, Brown memuji

Anwar dengan berkata beliau seorang tokoh yang dihormati di pentas ekonomi dunia."

Temuramah di Radio BBC itu merupakan kali kedua Amir muncul dalam media Britain bagi tempoh kurang daripada seminggu untuk menjelaskan dasar-dasar Malaysia.

Ahad lepas, beliau muncul dalam program Channel 2 BBC "Correspondent" untuk menjawab tuduhan-tuduhan mengenai layanan buruk dan tindakan meracun rakyat Indonesia di kem tahanan Malaysia.

--BERNAMA

WAH RON